

UCAPAN OLEH: DATO' SERI DR. MAHATHIR BIN MOHAMAD  
( PERDANA MENTERI )

UPACARA: MAJLIS PELANCARAN HARI PENGGUNA SEDUNIA 1994 SERTA KEMPEN  
ANTI INFLASI

TEMPAT: PUSAT ISLAM, KUALA LUMPUR

TARIKH: 19 MAY 1994

MASA:

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh

Saya mengucapkan terima kasih kepada Kementerian  
Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, iaitu pihak  
penganjur majlis ini kerana menjemput saya pada hari ini dan  
seterusnya melancarkan Hari Pengguna Sedunia 1994 dan Kempen  
Anti Inflasi.

2. Pertumbuhan ekonomi negara yang pesat telah  
meningkatkan kualiti dan taraf hidup rakyat. Ini telah  
membawa kesedaran kepada masyarakat untuk menikmati apa  
sahaja yang terbaik dalam kehidupan mereka. Dari sini  
timbullah pula perhatian dan pengetahuan masyarakat kepada  
masalah kepenggunaan. Dari waktu Presiden John F. Kennedy  
memperkenalkan empat hak asasi pengguna dalam tahun 1962  
hingga ke hari ini, lapan hak telah termaktub dalam carta  
International Organisation of Consumer Unions. Gerakan dan  
kesedaran kepenggunaan memang telah mendapat pengiktirafan  
kerajaan di merata dunia termasuk juga di negara kita. Saya  
yakin gerakan dan kesedaran kepenggunaan mempunyai peranan  
yang penting dalam meningkatkan lagi kualiti hidup dan  
kemakmuran rakyat dan negara jika semua pihak memainkan  
peranan masing-masing secara positif.

3. Penjual dan pembeli adalah orang yang sama, kerana  
tidak ada penjual yang tidak perlu membeli barangan untuk  
dirinya atau perusahaannya. Jelaslah bahawa setiap orang  
daripada kita adalah pengguna. Justeru itu masalah  
kepenggunaan adalah masalah setiap anggota masyarakat.  
Sebagai seorang pengguna, kita terpaksa membayar dengan  
sejumlah wang atau tenaga pada kadar tertentu bagi kita  
mendapatkan barangan keperluan ataupun perkhidmatan. Kita  
mengharapkan kos yang kita bayar adalah kos yang paling  
minima dan kita memperolehi faedah yang maksima. Oleh itu,  
sekiranya barangan yang dibeli tidak setimpal dengan harga  
yang dibayar, disebabkan penyelewengan yang dilakukan oleh  
penjual, maka sudah tentu kita sebagai pengguna akan kecewa.  
Sebab itu apabila kita menjadi pengeluar atau penjual kita  
harus ingat akan kekecewaan kita sebagai pembeli dan  
pengguna.

4. Jika kita memisahkan diri kita sebagai pengeluar dan  
pengguna, dan kita bersikap berlainan sewaktu kita memainkan  
peranan sebagai pengeluar dan di masa yang lain sebagai

pengguna, dan ini dilakukan oleh kita semua, sudah tentu kita semua akan mengalami kerugian. Keuntungan yang kita perolehi sebagai pengeluar barangan akan terhapus kerana sebagai pengguna kita terpaksa membeli barangan buatan orang lain yang juga tertakluk kepada sikap terlalu mengutamakan keuntungan yang sama. Sebaliknya, jika sebagai pengeluar kita semua mengamalkan amalan yang sihat, kita juga yang akan mendapat faedah sebagai pengguna.

5. Falsafah dahulu ialah setiap pengeluar atau penjual perlu mencuba sedaya upaya untuk mendapat keuntungan yang lebih dengan mengurangkan kos keluaran dengan apa cara sekalipun. Oleh itu, barangan yang dihasilkan biasanya berkualiti rendah dan tidak seperti yang didakwa. Malangnya pengeluar dan penjual juga terpaksa membeli dan menggunakan hasil kerja orang lain yang juga tidak berkualiti dan tidak seperti didakwa. Akibatnya semua pihak, iaitu seluruh masyarakat tertipu.

6. Falsafah moden ialah kualiti hasil kerja hendaklah seperti yang didakwa walaupun kos meningkat. Kos yang meningkat ini tidak menjadi beban kerana apabila pembeli atau pengguna menghasilkan kerja mereka, mereka juga mendapat nilai yang tinggi daripada hasil kerja mereka yang berkualiti itu. Dengan ini, pengguna tidak tertipu dan masyarakat akan menikmati kehidupan yang lebih bahagia.

7. Jika masyarakat faham bahawa kualiti hasil kerja yang kita sumbangkan akan dibalas dengan kualiti hasil kerja yang sama oleh pihak lain, maka Kerajaan dan pengguna tidak perlu bertindak lagi. Tetapi hakikatnya ialah ramai daripada kita yang tidak sedar. Justeru itu, Kerajaan terpaksa mengambil beberapa langkah tertentu bagi memastikan bahawa kepentingan masyarakat pengguna mendapat perlindungan yang sewajarnya. Ke arah ini pelbagai undang-undang dan peraturan telah digubal dan dipinda dari masa ke masa bagi memperkemaskan tindakan perlindungan pengguna di negara ini. Dalam hubungan ini Kerajaan sedang dalam proses menggubal satu lagi rang undang-undang bagi perlindungan pengguna. Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna sedang menggubal 'Akta Perlindungan Pengguna' atau 'Consumer Protection Act'. Dengan undang-undang baru ini para pengguna akan diberi perlindungan dalam urusan jual beli serta kualiti barang-barang. Kerajaan juga dalam proses menggubal satu dasar pengguna negara khususnya bagi menjaga kepentingan pengguna di negara ini.

8. Masanya sudah tiba bagi pengguna-pengguna di Malaysia memahami benar-benar peranan yang harus dimainkan oleh mereka. Jika mereka betul-betul mengutamakan masalah pengguna, maka kita semua sebagai pengguna akan mendapat manfaat. Sebaliknya jika persatuan pengguna membenarkan diri mereka diperalatkan oleh ahli-ahli politik dan badan-badan luar yang bersaing dengan kita, hasilnya ialah kerugian bagi pengguna dan bagi negara.

9. Pengguna mempunyai kuasa yang amat besar. Hanya dengan

bertindak membeli atau tidak membeli pengguna boleh menguntungkan atau merugikan sesuatu perniagaan. Apabila pengguna disusun rapi dalam persatuan maka kuasanya akan meningkat sehingga tidak terkawal. Dengan itu kerap muncul keinginan untuk menggunakan kuasa ini untuk maksud-maksud lain. Pengguna mestilah berhati-hati. Senjata pengguna adalah tajam. Jika disalahgunakan ia akan memakan diri. Sebaliknya jika ia digunakan dengan bijak dan berhati-hati, bukan sahaja pengguna akan mendapat nikmat tetapi negara akan pesat maju. Dan negara yang maju akan menggandakan nikmat pengguna sebagai rakyat.

10. Semua negara di dunia sama ada maju atau sedang membangun mengalami inflasi. Pada satu masa dahulu kita dapat menggunakan satu sen untuk membeli-belah. Hari ini satu sen tidak boleh digunakan lagi untuk maksud ini. Demikian juga dengan matawang negara lain. Satu yen Jepun yang dibahagikan dahulu kepada 100 sen, hari ini tidak lagi dibahagikan. Semua barangan dijualbeli dengan yen sahaja. Tentulah pembahagian yen kepada 100 sen dibuat kerana sen Jepun dahulu mempunyai nilai semasa untuk menjualbeli. Apakah dengan menggugurkan sen dan menjualbeli dengan yen atau ringgit kita menjadi lebih kaya? Sebenarnya tidak. Tidak, kerana matawang yang nilainya seratus kali ganda lebih tinggi tidak juga dapat membeli barangan atau khidmat 100 kali lebih banyak daripada sen dahulu. Hanya perkataan sahaja yang berubah. Daya membeli tidak berubah. Demikian pendapatan pekerja sebanyak RM60.00 sebulan pada tahun 1945 tidak jauh berbeza daripada pendapatan ratusan ringgit sekarang daripada segi daya beli. Ini disebabkan oleh inflasi yang mengurangkan kesan kenaikan pendapatan. Jika inflasi dapat dikawal maka kenaikan pendapatan akan lebih bermakna dalam menaikkan taraf hidup.

11. Kerajaan telah mengambil berbagai-bagai langkah untuk menentukan pertumbuhan pesat negara berjalan dalam suasana harga barangan dan perkhidmatan yang rendah dan stabil kerana Kerajaan percaya kestabilan harga merupakan tunggak dalam usaha ke arah pembangunan yang berterusan atau 'sustainable development'. Keazaman tersebut telah mendorong Kerajaan mengambil tindakan dengan segera setiap kali mula ternampak adanya tanda-tanda tekanan harga.

12. Dasar kewangan yang ketat telah dilaksanakan untuk menentukan bekalan wang tidak akan berlebihan supaya tidak wujud keadaan di mana terlalu banyak wang mengejar barang-barang yang terhad. Namun demikian sejak ekonomi pulih daripada kemelesetan dalam tahun 1987, negara telah mengalami pertumbuhan yang pesat selama enam tahun berturut-turut. Pada masa yang sama, bekalan wang telah berkembang dengan pesat, mencapai kadar peratusan dua angka. Pertambahan bekalan wang telah membawa kepada permintaan yang berlebihan dan dalam keadaan pendapatan yang lebih tinggi dan ekonomi yang mencapai gunatenaga penuh, pertambahan tersebut telah memberi tekanan yang hebat ke atas harga. Ini merupakan satu daripada punca meningkatnya inflasi. Jika diukur dari Angka Tunjuk Harga Pengguna,

inflasi telah meningkat sebanyak 4.4 peratus dalam tahun 1991 dan 4.7 peratus dalam tahun 1992, iaitu tahap tertinggi sejak tahun 1982. Ianya turun sedikit dalam tahun 1993 ke tahap 3.6 peratus tetapi meningkat kembali dalam suku pertama 1994 kepada 4.5 peratus.

13. Pertumbuhan bekalan wang yang pesat bukan sahaja disebabkan oleh kadar pertumbuhan ekonomi yang tinggi, malah oleh kemasukan wang asing dari luar negeri terutama dari tahun 1992 hingga tahun ini yang didorong oleh asas ekonomi yang kukuh, kadar faedah yang berbeza, aktiviti di pasaran saham tempatan yang melambung dan jangkaan bahawa nilai ringgit akan naik. Oleh itu, sejak tahun 1989 lagi, kita telah melaksanakan dasar kewangan yang ketat. Bank-bank saudagar dikenakan simpanan rizab berkanun atau 'statutory reserve requirement' yang lebih tinggi, iaitu daripada enam peratus pada 1989 kepada 9.5 peratus pada bulan Januari 1994. Langkah ini dijangka telah berjaya menyerap RM6.5 bilion daripada sistem perbankan dan sedikit sebanyak mengawal inflasi.

14. Kemasukan wang asing yang banyak untuk pelaburan adalah sihat bagi ekonomi negara. Tetapi apabila wang asing dibawa masuk untuk kegiatan spekulatif, termasuk menurun dan menaikkan nilai ringgit, ekonomi negara akan terdedah kepada bermacam-macam bahaya. Kejatuhan nilai ringgit akan menyebabkan kos import meningkat. Sebaliknya jika nilai ringgit tiba-tiba naik dan pemain pasaran wang menjual ringgit mereka dengan banyaknya, maka bukan sahaja nilainya akan jatuh dengan teruk malah tukaran asing juga akan merosot. Kedua-dua faktor ini akan menyebabkan kenaikan harga barangan import, dan dengan itu juga akan berlaku inflasi.

15. Oleh itu, mulai 1 Jun 1992, kesemua urusan wang yang tidak berkaitan dengan perdagangan di antara bank dagang dengan pelanggan asing telah dihadkan, dan mulai 23 Februari lalu, bank dagang tidak dibenarkan membuat dagangan yang tidak berkaitan dengan urusan hadapan dengan pelanggan asing.

16. Seperti dilihat tindakan sistem bank mengurangkan mudah tunai dan spekulasi wang sahaja tidak dapat mengawal inflasi. Banyak lagi kegiatan yang boleh menyebabkan inflasi meningkat. Di antaranya ialah percubaan peniaga untuk meraih keuntungan yang keterlaluan. Mereka berpendapat bahawa dengan menaikkan margin di antara harga belian dengan harga jualan, mereka boleh mendapat keuntungan yang lebih. Mungkin buat seketika ini tercapai. Tetapi tindakan mereka akan menaikkan inflasi dan ini akan melibatkan harga belian mereka kerana ia juga turut dinaikkan. Dengan itu margin mereka akan turun semula kepada tahap asal atau lebih rendah lagi.

17. Jika peniaga menaikkan juga margin mereka untuk menidakkan kesan inflasi, akibatnya ialah inflasi akan meningkat dengan banyak lagi. Di sesetengah negara, oleh

sebab inflasi dikejar dengan kenaikan harga, inflasi meningkat hingga ke-1000 peratus setahun, iaitu barang yang dijual dengan harga RM1 pada permulaan tahun akan dijual dengan harga RM10 pada penghujung tahun. Dengan perkataan lain wang RM1 akan bernilai 10 sen pada penghujung tahun. Dengan ini kepercayaan kepada matawang sebagai pengukur nilai akan hilang. Tidak ada siapa yang akan menyimpan wang. Mereka akan membelanjakan wang yang diperolehi dengan serta-merta kerana mengelak daripada kesan nilai wang merosot. Tetapi kemerosotan nilai akan terus berlaku, iaitu inflasi akan terus meningkat. Dalam keadaan huru-hara dan tidak menentu dalam soal inflasi dan nilai matawang, ekonomi akan hancur. Dan semua pihak akan menderita -- rakyat, peniaga, bank, Kerajaan dan negara.

18. Apabila inflasi berlaku dan nilai wang merosot, nilai pendapatan juga merosot. Cara yang ternampak mudah bagi mengatasi masalah kemerosotan nilai pendapatan ialah dengan menambah pendapatan, umpamanya dengan kenaikan gaji atau kenaikan margin keuntungan. Kita telah sebut tentang kesan kenaikan margin keuntungan. Kenaikan gaji kerana inflasi mempunyai kesan yang sama, iaitu menambah inflasi, menurunkan lagi nilai matawang dan melemahkan ekonomi.

19. Eropah sekarang menghadapi masalah ekonomi yang amat berat. Pengangguran meningkat kepada paras 11 hingga 12 peratus. Mesyuarat demi mesyuarat diadakan oleh Kumpulan Tujuh negara maju. Tetapi masalah pengangguran juga tidak dapat diatasi. Sekarang mereka bercadang untuk memaksa negara membangun menaikkan gaji minima supaya masalah pengangguran mereka dapat diatasi. Jurang yang besar di antara upahan pekerja mereka dengan upahan pekerja negara membangun adalah sebabnya mereka tidak dapat menarik pelaburan dan mewujudkan peluang kerja.

20. Sebenarnya mereka juga boleh mengurangkan jurang perbezaan upahan dengan menurunkan upahan minima untuk pekerja mereka. Tetapi ini bermakna mereka terpaksa merendahkan taraf hidup mereka. Mereka lebih rela pekerja negara membangun dikorbankan untuk menyelamatkan taraf hidup yang tinggi bagi diri mereka.

21. Upahan bagi pekerja di negara kita harus dinaikkan. Tetapi kenaikan hendaklah dilakukan secara berhati-hati supaya kita tidak kehilangan daya saing, dan kita tidak dilanda inflasi. Sekali lagi perlu diingatkan bahawa hanya jika inflasi tidak berlaku baharulah kenaikan pendapatan bermakna.

22. Dalam keadaan di mana peluang kerja melebihi bilangan pekerja, tidak dapat tidak upah akan meningkat. Ini sudahpun berlaku di Malaysia. Kita harus mengalu-alukan pendapatan pekerja yang bertambah ini. Tetapi kita juga tahu ia mungkin menyebabkan inflasi dan menjadikan barangan kita kurang kompetitif di luar negeri.

23. Penggunaan pekerja asing bukan caranya bagi mengatasi

masalah ini. Cara yang lebih berkesan ialah meningkatkan daya pengeluaran pekerja kita melalui didikan dan latihan, memperbaiki prestasi pengeluaran dengan memperbaiki sistem urusan serta penggunaan automasi dan robot, dan memindah kepada industri yang lebih 'capital', 'knowledge' dan 'skill-intensive'. Dengan ini walaupun upahan dinaikkan tetapi nilai ditambah dan 'competitiveness' akan berterusan. Nilai matawang tidak akan turun dan inflasi tidak akan meningkat. Adalah jelas bahawa cara yang mudah seperti mengejar inflasi dengan menaikkan upah atau mengimport pekerja asing hanya akan membawa masalah kepada negara dan rakyat. Adalah lebih baik kita pindahkan industri yang terlalu bergantung kepada tenaga kerja ke negara-negara yang mempunyai pengangguran yang tinggi.

24. Masalah pengguna dan inflasi tidak dapat diselesaikan dengan satu cara semata-mata atau satu pihak sahaja. Berbagai-bagai cara boleh dilakukan dan semua pihak perlu terlibat dalam usaha ini. Untuk masing-masing memainkan peranan, semua pihak mestilah faham tentang mekanisme dan kesan masalah pengguna dan inflasi. Kesatuan-kesatuan pengguna adalah penting bukan semata-mata sebagai aktivis tetapi sebagai penyebarkan pengetahuan berkenaan dengan masalah pengguna dan inflasi. Sebaliknya kesatuan pengguna sendiri tidak harus menyebabkan kos meningkat kerana perjuangan-perjuangan yang tidak khusus untuk kepentingan pengguna, bahkan kadang-kadang bercanggah dengan kepentingan mereka.

25. Pengguna-pengguna yang berpengetahuan boleh menjadi suatu kuasa yang dapat mempengaruhi pasaran dan mengawal inflasi. Secara kolektif, mereka boleh menghapuskan berbagai-bagai bentuk amalan perdagangan yang tidak sihat dengan lebih berkesan lagi. Bersama dengan Kerajaan mereka boleh bergerak dan bertindak secara yang boleh menguntungkan mereka dan menyelamatkan negara. Pencapaian matlamat Wawasan 2020 banyak bergantung kepada pengetahuan, sikap tanggungjawab dan peranan pengguna -- iaitu seluruh rakyat negara.

26. Kerajaan akan terus berusaha memerangi inflasi. Ini adalah kerana inflasi yang tinggi hanya akan menjejaskan taraf hidup rakyat, terutama mereka yang berpendapatan rendah dan berpendapatan tidak menentu, atau mereka yang berpendapatan tetap seperti pesara. Golongan-golongan inilah yang paling 'vulnerable' apabila masalah kepenggunaan dan inflasi melanda negara.

27. Sesungguhnya Kerajaan telah mengambil berbagai-bagai langkah untuk mengurangkan tekanan inflasi bagi menentukan kesejahteraan pengguna. Walau bagaimanapun, seperti yang telah disebutkan kejayaan dasar Kerajaan adalah bergantung kepada kerjasama semua pihak. Saya yakin sekiranya sambutan yang baik diberikan oleh semua, kita akan dapat menjadikan Malaysia sebuah negara contoh yang mampu berkembang pesat secara berterusan dalam suasana harga yang stabil demi kesejahteraan penduduknya.

28. Dengan ini, saya dengan sukacitanya melancarkan Hari Pengguna Sedunia 1994 dan Kempen Anti Inflasi.